

Dari kad beras ke kad polikarbonat

Oleh ROZAID A. RAHMAN dan IWAN SHU-ASWAD SHUAIB
 iwan@thestar.com.my
Foto IHSAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

DARI tahun 2000 sehingga 2010, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengeluarkan sebanyak 28.99 juta kad pengenalan MyKad.

Jumlah tersebut meliputi pengeluaran MyKad bagi gantian untuk permohonan disebabkan keserosakan dan kehilangan.

JPN adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian.

Ia ditubuhkan selepas Peraturan-peraturan Darurat (Kawasan-kawasan Pendaftaran) 1948 yang dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah untuk menentang ancaman keselamatan.

Peraturan itu memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan memperolehi kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun dan ke atas.

Kad pengenalan kini sudah menjangkau usia 63 tahun yang menyaksikan evolusi dari hanya sekeping kad kertas yang dikenali sebagai kad beras kepada MyKad iaitu kad pintar bercip yang diperbuat daripada bahan polikarbonat.

1948: Kad pengenalan kertas

>**Pengenalan:** Oleh pemerintah Inggeris di Malaya melalui

Emergency [Registration Areas] Regulation 1948, bagi membendung ancaman penganan komunis. Ia juga dikenali sebagai 'kad beras' kerana sewaktu catuan makanan pada zaman darurat bermula pada 1948 itu memerlukan bukti pengenalan diri bagi mendapatkan beras.

>**Pelaksanaan:** Digunakan di Semenanjung Malaysia dari tahun 1948 sehingga 1960.

>**Ciri-ciri:** Tujuan untuk keselamatan, tidak bersalut, gambar hitam putih, cap ibu jari kanan sahaja, maklumat asal penduduk, tiada taraf kewarganegaraan.

1960: Kad pengenalan plastik

>**Pengenalan:** Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) diperkenalkan bagi memperkemaskan lagi sistem

pengeluaran kad pengenalan.

>**Pelaksanaan:** Digunakan di Semenanjung dari 1 Ogos 1960 sehingga 31 Mac. Diperkenalkan di Sarawak pada 30 Mac 1966 dan Sabah pada 1 Jun 1972.

>**Ciri-ciri:** Keselamatan yang baik, bersalut dan diproses secara teragih, empat warna bagi menentukan taraf warganegara, maklumat terperinci, gambar hitam putih, cap ibu jari kiri dan kanan.

1990: Kad pengenalan bermutu tinggi

>**Pengenalan:** Bagi menggantikan kad pengenalan plastik. Juga dikenali sebagai kad pengenalan bunga raya.

>**Pelaksanaan:** Diperkenalkan pada April 1990.

>**Ciri-ciri:** Keselamatan yang tinggi, gambar hitam putih (1990)

dan gambar warna (1999), cap ibu jari kiri dan kanan, maklumat terperinci dan bersalut.


Kad pengenalan pintar

>**Pengenalan:** Kad pintar yang dikenali sebagai MyKad.


>**Pelaksanaan:** Mulai akhir 2000 di Semenanjung dan awal 2002 di Sabah dan Sarawak. Penukaran kad pengenalan bermutu tinggi kepada MyKad adalah secara sukarela dan percuma mulai tahun 2003 sehingga 2005.

>**Ciri-ciri:** Kad pengenalan mempunyai ciri keselamatan tinggi dan berteknologi cip yang kini diperbuat daripada bahan polikarbonat. Pada masa ini, ia memuatkan aplikasi lapan tambah satu (8+1) dalam satu kad.


> Lagi cerita di muka 4



Kad pengenalan Tun Hussein Onn - Perdana Menteri dari '76 - '81




Kad pengenalan Tunku Abdul Rahman
- Perdana Menteri dari '57 - '70



Kad pengenalan Tun Dr Mahathir
Mohamad - Perdana Menteri dari '81 - '03



Kad pengenalan Tun Abdul Razak - Perdana Menteri dari '70 - '76



Kad pengenalan Tun Abdullah Ahmad
Badawi - Perdana Menteri dari '03 - '09

12,000 MyKad dicetak sehari

Oleh ROZAID A. RAHMAN dan
WAN SHU-ASWAD SHUAIB
wan@thestar.com.my
Foto MOHD SAHAR MISNI

"Kalaulah yang sedang dicetak itu adalah milik sendiri....," kata suara hati penulis yang teruja apabila menyaksikan sendiri bagaimana kad pengenalan diri warganegara Malaysia, MyKad diproses di satu lokasi yang lirahsiakan, baru-baru ini.

Terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana memberi peluang yang nungkin datang hanya sekali itu kepada penulis untuk melihat sendiri bagaimana MyKad dicetak dan dikeluarkan.

Bagaimanapun, sebarang lensa kamera tidak dibenarkan di kawasan ini atas sebab-sebab yang melibatkan isu keselamatan negara.

Proses mencetak MyKad amat mementingkan aspek keselamatan. Hanya pegawai berpengalaman sahaja dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan bahagian ini.

Semua akses menggunakan sistem biometrik iaitu pengesanan cap jari. Itu belum termasuk lagi dengan proses tapisan dan akaman kamera litar tertutup (CCTV).

Dari sekeping kad yang kosong kebiruan dan diperbuat sepenuhnya daripada bahan polikarbonat itu, ia kemudiannya melalui mesin sistem peribadi berprestasi tinggi.

Mesin yang dipanggil HPPS itu berfungsi untuk memproses dan mencetak MyKad.



Dua petugas Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Daerah Klang melayan seorang warga emas menyelesaikan urusan di kaunter JPN.

JPN turut mempunyai dua lagi 'Kilang Percetakan MyKad' masing-masing satu di Melaka dan Sarawak iaitu secara purata mencetak 400 MyKad sehari.

Hari JPN 1 Ogos?

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bakal mewujudkan Hari JPN bermula tahun ini bagi memperingati kewujudan dan kepentingannya yang mengeluarkan dokumen penting terutama kad pengenalan, sijil kelahiran dan kematian.

Tarikh yang dicadangkan adalah 1 Ogos sempena memperingati pengeluaran kad pengenalan pertama milik Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.



Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Datuk Alwi Ibrahim (kanan) sedang melihat kakitangannya memberi khidmat kepada salah seorang pelanggan yang juga Pengarah Bersekutu mStar, Rozaid A. Rahman (kiri) bagi permohonan gantian MyKad.

Jumlah pengeluaran MyKad

Jumlah MyKad yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengikut bangsa

mesin yang dipanggil M10 itu berbangsa Cina untuk memformatkan cip pada MyKad dan mampu memproseskan format kepada 12,000 cip MyKad sehari.

Cip itu bertindak sebagai penyimpan naklumat aplikasi lapan campur satu (8+1) yang meliputi kad pengenalan, prasarana, kunci awam, lesen memandu, kad ATM, pasport, Touch n Go dan 'frequent traveller card'.

Maklumat pemohon akan disalurkan kepada Sistem Pengurus Kad menerusi Pusat Data sebelum dicetak menggunakan mesin berteknologi tinggi dari Amerika Syarikat.

Bagaikan kilang percetakan surat khabar, satu persatu kad dicetak dengan gambar serta maklumat peribadi pemohon seperti nama penuh, alamat, agama dan jantina.

Sepanjang proses itu, MyKad dicetak dengan paparan imej 'berhantu' menggunakan teknologi engrave serta cetakan andatangan Ketua Pengarah JPN secara digital.

Mesin cetak itu mempunyai kapasiti maksimum untuk mencetak sehingga 18,000 MyKad sehari namun secara purata 12,000 MyKad dicetak sehari.

Bagaimanapun jumlah 12,000 MyKad yang dicetak itu hanya di lokasi yang dirahsiakan.

mencetak 400 MyKad sehari.

Difahamkan, terdapat rancangan untuk memperluaskan rangkaian percetakan itu ke seluruh negara menerusi bajet dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

ia akan dilaksanakan secara berperingkat bermula ke zon Timur, Utara dan Selatan sebelum diperluaskan ke setiap ibu negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Sebaik sahaja MyKad dicetak, ia akan melalui proses pengesahan bagi memastikan semua maklumat di dalam cip dan paparan pada kad adalah tepat dan seragam.

Difahamkan, kos sekeping MyKad adalah RM27 tetapi JPN mengenakan caj hanya RM10 dan selebihnya adalah subsidi daripada kerajaan.

"Oleh itu, masyarakat seharusnya menjaga MyKad sebaik-baiknya seperti mana kita menjaga wang. Jika (MyKad) hilang, nanti dikenakan denda pula," kata Pengarah JPN, Datuk Alwi Ibrahim.

Kalaulah dalam 12,000 MyKad yang dicetak oleh JPN setiap hari itu adalah milik penulis sendiri, sudah pasti boleh diambil terus sebaik selesai ia disahkan.

Namun bukan semudah itu kerana adalah satu kesalahan bagi individu yang mempunyai dua MyKad pada satu-satu masa

Pendaftaran Negara (JPN) mengikut bangsa dari tahun 2000 sehingga 2010.




apatah lagi memiliki MyKad orang lain.

Penulis juga seperti orang lain yang mendapatkan gantian MyKad baru kerana kes kerosakan perlu menyerahkan kembali MyKad lama berserta bukti permohonan.

Pastinya, MyKad milik kami merupakan antara 12,000 kepingan kad pengenalan diri dengan ciri keselamatan tinggi yang dicetak pada hari lawatan berkenaan.

> Lagi cerita di muka 5



Pembaca MyKad mudah alih pertama di dunia (atas) dan pembaca kad mudah alih yang biasa (bawah) berfungsi menulis dan membaca untuk kegunaan pegawai penguatkuasa agensi kerajaan.

Ciri keselamatan baru MyKad diperkenalkan akhir tahun

>**Pengenalan:** Penambahbaikan ciri keselamatan kad pengenalan MyKad.

>**Objektif:** MyKad tidak mudah dipalsukan atau dilakukan sebarang pindaan.

>**Pelaksanaan:** Bakal diperkenalkan menjelang akhir tahun 2011.

>**Ciri keselamatan baru:** Teknologi laser engrave yang merupakan paparan imej 'berhantu' gambar pemohon pada MyKad.

>**Status:** Masih dalam peringkat perbincangan dan penilaian

terhadap pelaksanaan ciri baru yang turut melibatkan kos dan mesin cetak.

>**Kos:** Anggaran kos masih belum diputuskan tetapi nilainya dijangka lebih tinggi berbanding sekarang.

>**Kualiti MyKad:** Bermutu tinggi dan ia berada pada tahap selamat.

>**Semasa:** Pada masa ini, JPN meningkatkan kualiti dan ketahanan fizikal MyKad.

>**Bahan:** Diperbuat sepenuhnya daripada bahan polikarbonat.

>**Kos sekeping MyKad:** RM27 tetapi JPN hanya mengenakan caj RM10 kepada pemohon dan selebihnya adalah subsidi daripada kerajaan.

>**Ciri keselamatan lain:** Pengesahan menggunakan kekunci simetri kriptografi, sistem operasi pelbagai lapisan dengan firewall dan landasan cip yang selamat serta penggunaan biometrik.

>**Ilham Mykad:** Projek MyKad bermula pada tahun 1996 sebaik sahaja Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kini Tun) mengilhamkan wawasan Kad Pintar Pelbagai Guna.

Gagal kemuka MyKad satu kesalahan

KEGAGALAN warga Malaysia mengemukakan kad pengenalan MyKad untuk pemeriksaan pihak berkuasa merupakan satu kesalahan.

Berdasarkan Peraturan 6 dan Peraturan 7 di bawah Peraturan Pendaftaran Negara 1990, setiap orang perlu membawa dan menjaga kad pengenalan setiap masa.

Kegagalan itu boleh dikenakan hukuman di bawah Peraturan 25(1)(n) di mana sekiranya disabitkan

kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

Bagaimanapun, belum ada lagi dakwaan melibatkan kegagalan membawa atau memiliki MyKad yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana pemeriksaan kebiasaannya dilakukan oleh pihak polis.

Hampir 1 juta hilang MyKad

Star 3/4/2011 Ms S.

Oleh ROZAID A. RAHMAN dan IWAN SHU-ASWAD SHUAIB
iwan@thestar.com.my
Foto MOHD SAHAR MISNI

Nama: Datuk Alwi Ibrahim
Jawatan: Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
Umur: 51 tahun
Tarikh lahir: 24 November 1959
Asal: Banting, Selangor
Jawatan terdahulu: Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD).



Alwi Ibrahim menunjukkan kad pengenalan kertas pertama di negara yang dimiliki oleh Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

ramai akan dikenakan denda kerana kehilangan kad pengenalan dan kemudian pendekatan mewajibkan pemohon untuk membuat laporan polis.

Kini gantian MyKad tidak memerlukan laporan polis namun dikenakan denda atas faktor kehilangan dan budi bicara JPN sama ada bayaran penuh, pengurangan atau pengecualian.

Cakap-cakap mengatakan MyKad yang hilang sepatutnya memerlukan


laporan polis kerana ia adalah pengenalan diri untuk semua warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun dan ke atas berbanding pasport yang berfungsi untuk tujuan ke luar negara.

Walaupun tidak ke luar negara sehingga akhir hayat sekali pun, rakyat Malaysia itu tetapi menjadi warganegara maka MyKad adalah diwajibkan ke atas mereka.

Mingguan mStar mendapatkan penjelasan Ketua Pengarah Jabatan

Jumlah kehilangan MyKad

Jumlah kehilangan MyKad dari tahun 2008 sehingga 2010.



Pendaftaran Negara (JPN), Datuk Alwi Ibrahim berhubung pelaksanaan baru itu.

>Objektif pelaksanaan: 1. Beri kemudahan kepada rakyat. 2. Nilai tambah kepada aktiviti utama JPN. 3. Mahu mengurangkan kadar kehilangan MyKad.

>Jumlah: Berdasarkan statistik dari tahun 2008 sehingga Februari 2011, JPN merekodkan sebanyak 970,246 permohonan gantian kerana kehilangan MyKad.

>Faktor: Kecuaian, kecurian, ragut, rompakan, bencana alam dan kemalangan.

>Trend: Menurun. 359,477 MyKad

pada tahun 2008, 356,605 (2009), 298,102 (2010) dan 59,059 (bagi tempoh tiga bulan pertama tahun 2011).

>Cuai: JPN memandang serius terhadap kehilangan MyKad kerana ia merupakan dokumen penting melibatkan keselamatan dan maklumat peribadi warganegara.

>Kos: Setiap kehilangan sudah tentu melibatkan kos dan kadar denda berdasarkan kepada bilangan dan jenis kehilangan serta rayuan pemohon dan budi bicara JPN.

>Denda: Kehilangan pertama (RM100), kehilangan kedua (RM200) dan kehilangan ketiga dan seterusnya (RM300) serta masing-masing dikenakan bayaran permohonan RM10.

>Kutipan denda: RM22.71 juta kutipan denda disebabkan kehilangan MyKad bagi tahun 2010. Dari Januari sehingga Mac 2011 sahaja kutipan denda bernilai RM6.35 juta.

>Pengecualian denda: Kecurian, bencana alam dan kemalangan.

>MyKad yang hilang dijumpai semula: Akan dilupuskan berserta dengan mana-mana MyKad yang tidak dituntut oleh pemohon.

Ganti MyKad hilang tanpa laporan polis

Sejauh mana relevan pelaksanaan baru kepada JPN?

Berdasarkan Peraturan 13(1) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 menyatakan "Apabila sesuatu kad pengenalan hilang, rosak atau musnah, orang yang kepadanya kad itu dimaksudkan hendaklah dengan segera melaporkan hal itu kepada pejabat pendaftaran terdekat dan memohon kad pengenalan gantian." Ini bermakna laporan polis tidak diwajibkan bagi mendapatkan gantian MyKad yang hilang.

Kenapa masih ada yang buat laporan polis?

Tiada halangan sekiranya pemohon mahu membuat laporan polis namun tidak mewajibkan mereka untuk berbuat demikian. Laporan polis itu kebiasaannya turut melibatkan dokumen penting lain serta kes jenayah seperti ragut dan rompak untuk tujuan keselamatan identiti.

Bagaimana hendak mengenal pasti ketulen kes kehilangan MyKad?

Ia berdasarkan kepercayaan dan diharapkan agar pemohon dapat memberikan maklumat yang benar. Walaupun sebelum ini laporan polis diperlukan namun wujud kes pemohon tidak menyatakan keadaan sebenar kerana mahu mendapatkan pengecualian denda. Disebabkan itu kita mengeluarkan borang akuan sebagai satu format yang tetap bagi mereka yang memohon untuk mendapatkan gantian MyKad.

Percaya sahaja?

Pada masa ini, ia masih berdasarkan kepercayaan tetapi JPN akan menilai pelaksanaannya berhubung trend kehilangan MyKad. Penipuan ini dalam apa-apa cara pun boleh berlaku meskipun laporan polis sudah dibuat.

Setuju kemungkinan MyKad disalah guna?

Mungkin ada. Bagaimanapun perkara ini boleh dikenakan tindakan di bawah peraturan dan siasatan boleh dilakukan. Ini termasuk menyenarai hitam mereka yang didapati bersalah kerana memberikan maklumat palsu.

Tidak curiga pada kes kehilangan banyak kali?

Kes kehilangan sehingga lima kali akan dimasukkan ke bahagian siasatan. MyKad pemohon tetap digantikan. Keadaan sedemikian diakui membimbangkan dan JPN akan mengenal pasti sekiranya mempunyai kaitan dengan salah guna.

Jika ada pihak lain yang salah guna MyKad yang hilang?

MyKad yang hilang sama ada dijumpai semula atau tidak tetap tidak sah digunakan dan secara automatik fungsinya tidak aktif sekiranya pemiliknya membuat permohonan

untuk mendapatkan gantian.

Cadangan agar sebuah panel diwujudkan untuk memantau JPN?

Tidak perlu kerana JPN sebagai jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri, turut terlibat dalam mesyuarat pengurusan tertinggi pada setiap minggu. Terdapat forum dan jawatankuasa sebagai pemantau pelaksanaan program dan aktiviti jabatan.

Isu pemalsuan MyKad?

Penambahbaikan ciri-ciri keselamatan MyKad tidak memudahkan pihak tertentu untuk membuat pemalsuan atau pindaan ke atas kad berkenaan. Itulah sasaran kami.

JPN ada buat penguatkuasaan?

Berdasarkan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, JPN melaksanakan sebanyak 259 operasi pada tahun 2010 dan pada tahun ini sehingga Mac adalah 87 operasi. Kebanyakannya merupakan operasi bersepadu yang dilakukan bersama agensi penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Tangkapan dan pendakwaan?

Jumlah tangkapan dan pendakwaan adalah sebanyak 255 orang pada 2010 dan 77 orang pada 2011 setakat ini. Kebanyakan kes pendakwaan adalah kesalahan menggunakan kad pengenalan palsu dan menggunakan dokumen orang lain.

Stigma MyKad kurang penting?

MyKad perlu dimiliki semua warga Malaysia berumur 12 tahun dan ke atas. Ia bukan hanya digunakan sebagai dokumen pengenalan diri tetapi juga diperlukan ketika berurusan dengan agensi lain.

Nasihat kepada rakyat Malaysia.

Orang ramai perlu menjaga MyKad dengan cermat kerana ia merupakan aset terpenting yang bukan sekadar berfungsi sebagai kad pengenalan diri.

Apa kata mereka?



"Sama ada membuat laporan polis atau tidak, mereka yang hilang MyKad perlu ada rasa tanggungjawab untuk mendapatkan gantian baru." Elina Abd Rahim, 29, Eksekutif



"Memohon gantian MyKad tanpa perlu membuat laporan polis sebenarnya memudahkan rakyat untuk memiliki semula kad pengenalan diri." Ng Kean Hoe, 29, Pekerja hotel



"Denda kerana kehilangan MyKad atas faktor tertentu memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menjaga kad pengenalan itu sebaik-baiknya." Muniandy Gunaseelan, 30, Pengawal keselamatan



"Pendekatan baru hanya relevan untuk kehilangan atas kecuaihan. Kes jenayah seperti ragut masih perlu laporan polis kerana turut melibatkan dokumen penting lain." Zaidi Zainal, 38, Ejen Insuran